

BAB III

PENGENALAN *MAWÓ'Ú AL-BADÓ'*

3.0. Pendahuluan.

MawÉ' iD al-BadÉ' adalah salah satu karya hadith iaitu karya Al-Singkili. Karya ini boleh dikatakan karya hadith terawal di Nusantara. Meskipun telah didahului oleh Nuruddin Al-Raniri dengan karyanya *HidÉyah al-×abÉb fÉ al-TarghÉb wa al-TarhÉb*. Namun perkara yang penting perlu dicatat adalah bahawa kewujudan karya-karya tersebut mengisi kekosongan karya yang dihasilkan oleh ulama Nusantara pada abad XVII. Selain itu, isu keagamaan – iaitu kontroversi doktrin *WujÉdiyyah* - pada masa itu semakin berkembang. Maka, karya hadith Al-Singkili sangat bermanfaat bagi mengurangi konflik kedua kelompok tersebut.¹

Naskhah Karya *MawÉ' iD al-BadÉ'* juga banyak menjadi koleksi beberapa pusat manuskrip Melayu. Selain itu, karya *MawÉ' iD al-BadÉ'* juga banyak disenaraikan oleh beberapa pengkaji tentang al-Singkili. Sebagai salah satu dari puluhan karya yang telah dihasilkan. Terdapat beberapa catatan mengenai *nisbah* yang beragam atas karya ini. Selain itu, jumlah bab yang terkandung naskhah juga beragam. Oleh sebab itu, meneliti lebih mendalam dengan menelusuri beberapa manuskrip akan dilakukan pada bab ini. Selain juga mengetahui kandungan dan pokok pemikiran Al-Singkili dalam karya *MawÉ' iD Al-BadÉ'* dan hubungannya dengan karyanya - khususnya *TanbÉh al-MÉshÉ* - yang memuat pemikiran Al-Singkili. Sehingga dapat terungkaplah hakikat karya *MawÉ' iD al-BadÉ'* ini.

¹ Sebagaimana ajaran yang terdapat pada pengajaran yang kesembilan tentang larangan melaknat segala makhluk. Lihat, *MawÉ' iD Al-BadÉ'* MSS. 3565 Perpustakaan Negara Malaysia.

3.1. Kewujudan Manuskrip *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*.

Penyalinan manuskrip biasanya banyak dilakukan oleh beberapa orang yang memiliki kedudukan. Memandang alat tulis khasnya kertas adalah satu hal yang sangat langka. Apatah lagi jumlah masyarakat yang boleh menulis juga sangat terbatas. Sehingga proses tersebut biasanya dilakukan dengan cara mengupah ahli tulis untuk menyalin ulang. Yang selanjutnya dijadikan koleksi pribadi atau diperdagangkan. Para pedagang asing biasanya sangat berminat dengan karya-karya tersebut. Selanjutnya naskhah-naskhah tersebut dibawa kembali ke negaranya. Boleh jadi, naskhah-naskhah tersebut selanjutnya dijual lagi atau menjadi koleksi pribadi. Kemungkinan, kerana mereka adalah pedagang, maka mereka akan menawarkan naskhah tersebut kepada orang lain.

Hal tersebut nampaknya juga terjadi pada naskhah *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*. Manuskrip *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* setakat ini telah menjadi koleksi beberapa pusat manuskrip di negara Asia mahupun Eropah. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) tercatat memiliki manuskrip ini dengan jumlah terbanyak. Terdapat 12 koleksi manuskrip teridentifikasi, iaitu;

1. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badi’* kod. MSS 2610 (B)
2. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badi’* kod. MSS 2862 (C)
3. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badi’* kod. MSS 2983
4. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badi’* kod. MSS 3565
5. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badi’* kod. MSS 3583
6. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badi’* kod. MSS 3585
7. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badi’* kod. MSS 3615
8. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badi’* kod. MSS 3630 (C)
9. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badi’* kod. MSS 3714

10. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badi'* kod. MSS 3853 (E)
11. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badi'* kod. MSS 3854
12. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badi'* kod. MSS 3868 (A)

Kod (A), (B) dan (C) dan semisalnya di atas adalah menunjukkan urutan teks yang terdapat dalam satu bundel atau jilid manuskrip. Manakala yang tidak terdapat kod seperti disebut, maka ianya adalah satu manuskrip tersendiri. Namun di antara naskhah-naskhah di atas dijumpai satu naskhah yang salah dalam meletakkan kod atasnya. Kemungkinan bahagian pernaskhahan ada tersilap tentang pemberian kod tersebut. Iaitu pada manuskrip kod. MSS 3714 bertajuk *MawÉ'iÐ al-BadÉ'*. Pada manuskrip tersebut sepatutnya terdapat dua teks yang berbeza iaitu *MawÉ'iÐ al-BadÉ'* pada bahagian pertama dan teks nasihat untuk perkahwinan pada bahagian kedua. Namun kod yang tercatat menunjukkan satu teks sahaja.

Mengenai kelengkapan struktur teks, didapati bahawa majoriti manuskrip tersebut lengkap. Hanya beberapa manuskrip sahaja yang tidak lengkap seperti manuskrip dengan kod MSS. 2610 yang hanya sampai pengajaran ke 38. MSS. 3615 sampai pengajaran 50 tapi pengajarannya tidak lengkap. Adapun maklumat tentang tahun penyalinan, beberapa manuskrip boleh dikesan tahun penyalinannya. Seperti pada manuskrip kod MSS. 2983 tertulis tahun 1220 H, MSS. 3565 tertulis tahun 1220 H, MSS. 3630 tertulis tahun 1230 H, MSS. 3714 tertulis tahun 1220 H, MSS. 3868 tertulis tahun 1270 H. Manakala koleksi lainnya tidak dikesan tahun penyalinannya. Seperti pada manuskrip kod MSS. 3854. Kerana kertas pada bahagian kolofon terdapat lubang dimakan ulat buku. Sebab lain selain tidak lengkap adalah kerana tidak terdapat maklumat tertulis pada kolofon. Seperti manuskrip kod. MSS. 3583, MSS. 3585 dan MSS. 3583.

Berkenaan dengan penyalin tidak terdapat keterangan yang tepat siapa penyalin manuskrip-manuskrip tersebut. Terdapat keterangan pada beberapa kolofon yang menunjukkan tempat dimana proses penyalinan itu dilakukan. Seperti yang boleh dikesan pada manuskrip kod MSS. 3565 tertulis di Pekan Lambaro Aceh.

Penyimpan manuskrip terbanyak kedua adalah Muzium Negeri Aceh. Muzium yang terletak di kawasan Banda Aceh tersebut memiliki 5 manuskrip, iaitu;

1. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizul Badii* kod. No. Inv. 761
2. Manuskrip dengan tajuk *Mawaidhul Badi'* kod. No. Inv. 133 R
3. Manuskrip dengan tajuk *Mawa'izul Badi'* kod. Ms. Inv. 2746
4. Manuskrip dengan tajuk Kumpulan Karangan kod. Ms. Inv. 3475
5. Manuskrip dengan tajuk Kumpulan Karangan kod. Ms. Inv. 3489.

Tidak terdapat keterangan penyalin pada keseluruhan manuskrip di atas. Kecuali keterangan tentang tahun. Seperti pada manuskrip kod No. Inv. 761 tahun 1220 H, No. Inv. 113R tahun 1225 H, Ms. Inv. 3475 tahun 1220 H. Berkaitan dengan kelengkapan manuskrip kod Ms. Inv. 2746, Ms. No. Inv. 113 R dan No. Inv. 761 adalah manuskrip yang lengkap. Manakala dua manuskrip lagi adalah tidak lengkap.²

Pusat penyimpanan manuskrip lainnya adalah Perpustakaan Nasional Republik Indonesia. Tercatat 3 manuskrip telah menjadi koleksi PNRI, iaitu;

1. Manuskrip dengan tajuk *Bayan Tajalli* kod. ML. 115.
2. Manuskrip dengan tajuk *Mawa'iz Al-Badi'ah* kod. ML. 323.
3. Manuskrip dengan tajuk *Mawaiz al-Badi'ah wa Ghairiha* kod. ML. 341.

² A. Maimun Umar *et.al.* (1984) *Identifikasi Naskhah Koleksi Museum Negeri Aceh*, Banda Aceh: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Direktorat Jenderal Kkebudayaan Museum Negeri Aceh, h. 20 dan 55. Juga A. Maimun Umar *et.al.* (1996) *Identifikasi Naskhah*, Daerah Istimewa Aceh: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Bagian Proyek Pembinaan Permuseuman, h. 22, 50, dan 54.

Manuskrip kod. ML. 115 tajuknya *Bayan Tajalli*. Akan tetapi dalam manuskrip tersebut terdapat dua karya lain. Salah satunya adalah teks *ItsnÉ wa ThalÉthÊn MawÉ‘iÐah*. Menurut Ronkel dalam Voorhoeve adalah teks bahagian pertama karya MB.³ Adapun manuskrip kod. ML. 323. Keadaan fiziknya sangat rapuh bahkan kertas terpatah-patah. Sehingga tidak banyak didapati keterangan pada manuskrip tersebut. Manuskrip ketiga kod. ML. 341. Adalah urutan pertama pada kumpulan teks-teks dalam jilid manuskrip tersebut. Isi lengkap mulai pembukaan hingga kolofon. Pada kolofon tersebut dijelaskan bahawa manuskrip tersebut disalin pada tahun 1250 H. Mengenai penyalin dan tempat penyalinan sama sekali tidak terdapat keterangan.⁴

Pusat penyimpan naskhah lainnya adalah Yayasan Pendidikan dan Muzium Ali Hasjmy. Terdapat satu manuskrip tersimpan disini. Iaitu;

1. Manuskrip dengan tajuk *Mawaizal-Badi’* kod. 27A/HD/1/YPAH/2005.

Maklumat dalam kolofon menunjukkan tahun 1220 H. Dipastikan tahun tersebut adalah tahun penyalinan. Selain itu kolofon juga menginformasikan tempat penyalinannya iaitu Makkah. Manakala info penyalin tidak ada keterangan pada manuskrip. Sebenarnya pada bundel atau jilid manuskrip tersebut terdapat dua teks. Urutan pertama adalah teks *MawÉ‘iÐ Al-BadÉ’*, dan yang kedua adalah *IËÉh al-BÉb li MurÉd al-NikÉÍ bi al-ØawÉb*.⁵

Selain di negara Asia manuskrip *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* juga terdapat di Eropah. Iaitu di Perpustakaan Universitas Leiden. Tepatnya dalam koleksi Snouck Hurgronje. Jumlah manuskrip adalah satu sahaja, iaitu;

³ P. Voorhoeve (1980) *Bayan Tajalli (Bahan-bahan untuk mengadakan penyelidikan lebih mendalam tentang Abdurra-uf Singkel)*, Aboe Bakar (ed.), Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, h. 40.

⁴ *MawÉ‘iÐ Al-BadÉ’* ML. 115 juga ML. 341.

⁵ *MawÉ‘iÐ Al-BadÉ’* 27 A/HD/1/YPAH/2005. Yayasan Pendidikan dan Museum Ali Hasjmy.

1. Manuskrip dengan tajuk *Mawaiz Al-Badi'* kod. Or. 7235

Tidak terdapat keterangan yang detail mengenai naskhah tersebut. Kecuali apa yang dicatatkan oleh Wan Mamat mengenai halaman yang berjumlah 82 dari 170 halaman manuskrip. Dan ukuran kertas 22 X 18 Cm.⁶ Mengenai dasar penyalinan manuskrip, menurut Voorhoeve disalin dari manuskrip PNRI kod. ML. 323.⁷

Selanjutnya Voorhoeve mengutip Ronkel juga menyebutkan bahawa satu manuskrip telah menjadi koleksi von de Wall.⁸ Iaitu,

1. Manuskrip dengan tajuk *Mawaiz Al-Badi'* kod. Von de Wall 22.

Tidak terdapat keterangan yang mendalam mengenai tempat penyimpanannya. Apatah lagi beberapa keterangan sama sekali tidak boleh dikesan. Hanya jumlah halaman sebanyak 40 yang dicatatkan oleh Voorhoeve.

Dari berbagai pusat penyimpanan manuskrip Melayu baik di negara Asia dan Eropah, dikesan keseluruhan manuskrip *MawÉ'iD Al-BadÉ'* berjumlah 23. Kalaupun masih ada kemungkinan terdapat pada koleksi-koleksi pribadi yang belum diidentifikasi. Dari banyaknya manuskrip tersebut, nampak bahawa naskhah tersebut sangat digemari.

3.2. Kewujudan Edisi Bercetak *MawÉ'iD Al-BadÉ'*.

Di samping kewujudan dan tersebarnya manuskrip sebagaimana di atas. Teks *MawÉ'iD al-BadÉ'* juga terdapat dalam edisi cetak. Edisi tersebut adalah terdapat pada

⁶ Hj. Wan Ali Hj. Wan Mamat (1985) *Katalog Manuskrip Melayu di Belanda*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 82.

⁷ P. Voorhoeve *Op.Cit.*, h. 40.

⁸ *Ibid.*, h. 40.

kitab-kitab yang telah dikarang oleh beberapa ulama' yang datang setelahnya. Kitab tersebut antara lain;

3.2.1. *Jam'u al-JawÉmi' al-MuĤannafÉt*

Karya ini telah dijadikan rujukan oleh Voorhoeve,⁹ dan Wan Mohd Shaghir¹⁰ ketika mengulas beberapa hal mengenai teks *MawÉ'iÐ al-BadÉ'*. Karya ini telah dicetak dalam beberapa edisi. Manakala Voorhoeve ia merujuk pada cetakan tahun 1310/1892 di Makkah (edisi keempat atau kelima) tanpa menyebutkan nama percetakan.¹¹ Sedangkan Wan Mohd Shaghir merujuk pada cetakan tahun 1337 H oleh MaĤba'ah al-Ĥaraq al-majÉddiyyah di Makkah.¹² Upaya penelusuran atas dua rujukan tersebut ternyata tidak berjaya dikesan. Kecuali karya yang dicetak oleh DÉR al-ĤabÉ'ah al-MiĤriyyah tanpa tahun penerbitan.

Pada bahagian sampul dinyatakan bahawa karya ini adalah kumpulan karangan ulama Aceh. Kumpulan karangan tersebut terdiri dari 9 tajuk yang berbeza.

Jam'u al-jawÉmi' al-muĤannafÉt, iaitu kitab majmu' karangan 'ulama Aceh yang dahulu² yaitu hidÉyah al-'awwÉm dan farÉiĤ al-Qur'Én dan kashf al-kirÉm dan talkhiĤ al-falÉh dan shifÉ' al-qulÉb dan mawÉ'iÐ al-badÉ'ah. Dan dawÉ' al-qulÉb dan i'ĤÉm al-muttaqÉn dan risÉlah pali. Maka dihimpunkan dia oleh 'Élim al-fÉĤil al-shaikh IsmÉ'il ibn Abd al-MuĤĤlib al-ÓshÉ ghafarahu Allah Ta'ÉlÉ lahu wa al-muslimÉn, amin¹³.

Manakala penyusun karya ini, sebagaimana yang tertulis adalah Sheikh IsmÉ'il ibn Abd al-MuĤĤlib al-ÓshÉ. Ia adalah murid Ahmad al-Fathani yang dikirim untuk belajar ke Mesir.

⁹ Lihat, *Ibid*, h. 40.

¹⁰ Lihat, Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1991) *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, jilid 1, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 172.

¹¹ P. Voorhoeve (1980) *Op.Cit.*, h. 40.

¹² Wan Muhd. Shaghir Abdullah (1991) *Op.Cit.*, h. 172.

¹³ Isma'il Ibn Abd al-Muthalib Al-Ashi (t.t.) *Jam'u al-Jawammi' al-Mushannafat*, Mesir: Dar al-MaĤba'ah al-MiĤriyyah, h. 1.

Tentang teks *MawÉ‘iD al-BadÉ’* dalam karya tersebut tercatat pada urutan keenam daripada karya-karya lainnya. Adapun teks di dalamnya adalah lengkap iaitu dimulai dengan pembukaan dilanjutkan dengan pengajaran pertama hingga pengajaran kelima puluh dan terakhir penutup.¹⁴ Ada beberapa catatan pada bahagian pinggir tiap-tiap teks. Catatan tersebut adalah penjelasan terhadap teks yang ada. Seperti,

1. *Qauluhu* seulah² meruntuh ia akan pintu ka’bahku artinya apabila dipecah dengan tiada Íajah dan maÍlalah
2. *Qauluhu* akan papa yang tiada merasai kaya selama²nya karena orang yang tuntutan dunia jikalau telah dia dapat satu gunung emas niscaya ganda yang kedua wa hÉkadha.¹⁵

Nampaknya selain mengumpulkan karya-karya tersebut al-ÓshÉ juga menjadi pentasÍÉÍ terhadap karya-karya tersebut.¹⁶

3.2.2. Muhimmah pada Ilmu Hadith Nabi SAW.

Karya ini adalah buah pemikiran Syeikh Abdullah Ibn Abdurrahim al-Fathani. Yang diterbitkan pada tahun 1369 di Pulau Pinang dengan tambahan pada bahagian akhir, teks *MawÉ‘iD al-BadÉ’* karya Abd al-Ra’uf Al-Fansuri Aceh.¹⁷ Karya ini pula telah dijadikan objek kajian oleh Salina binti Muhammed pada peringkat sarjana Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya tahun 2004 dengan tajuk ”Muhimmah; Transliterasi dan Analisis teks”. Kajiannya merujuk pada manuskrip koleksi PNM

¹⁴ *Ibid.*, h. 63 – 96.

¹⁵ *Ibid.*, h. 65.

¹⁶ Wan Mohd. Saghir Abdullah (1991) *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, jilid 1, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 173.

¹⁷ Edisi ini telah dijadikan rujukan oleh Azumardi Azra dalam “Jaringan Ulama” pada saat memperkatakan tentang karya MB. Lihat Azumardi Azra (2005) *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII Akar Pembaharuan Islam di Indonesia*, Edisi Revisi, Jakarta: Prenada Media, h. 250.

dengan kod MSS. 2008 dan kitab bercetak dengan tajuk kitab Muhimmah dan al-Mawaiz al-Badi'ah.¹⁸

Tidak banyak keterangan mengenai biografi tokoh ini. Hanya terdapat catatan oleh Wan Mohd Shaghir. Iaitu ketika beliau mengulas mengenai Syeikh Abdul Qadir bin Abd Al-Rahim al-Fathani Bukit Bayas. Dalam keterangannya tersebut, Wan Mohd Shaghir menyatakan bahawa Abdullah bin Abd al-Rahim al-Fathani adalah saudara kepada Syeikh Abdul Qadir bin Abd al-Rahim al-Fathani Bukit Bayas. Sebagaimana pernyataannya,

“Syeikh Abdullah Bin Abd al-Rahim al-Fatani (penyusun kitab Hadith Muhimmah), beliau ini ada orang meriwayatkan adalah saudara kandung kepada Syeikh Abdul Qadir bin Abd al-Rahim al-Fatani Bukit Bayas, Terengganu. Jika memperhatikan nama ayahnya sama-sama bernama Abd al-Rahim dapat dipercayai kebenarannya.”¹⁹

Dalam penelitiannya Salina mendapati bahawa manuskrip MSS. 2008 adalah lebih lengkap dibandingkan dengan edisi cetak. Kerana pada edisi cetak tidak dijumpai penutup cerita. Pada edisi cetak tertulis,

Lelaki yang berbuat makanan, maka dipanggilkan kepada makanan itu segala anak yatim dan segala miskin.

²⁰ عبد الله بن عبد الرحيم الفطاني والله اعلم بالصواب واليه المرجع والمآب

Sedangkan pada MSS. 2008 tertulis,

”Telah selesai daripada menyalin kitab ini didalam negeri Chenak iaitu dalam kampong Tempura pada hari sabtu pada mukjizat nabi ØalallÉhu ‘Alaihi wa Sallam seribu dua ratus puluh delapan tahun. Yang menyurat kitab ini, Ahmad Ibnu Lebar yang tempat duduk /.../ kampung yang dan jika lebih, dan jika kurang minta tolong baikinya karena hamba tiada tahu

¹⁸ Salina binti Muhammad (2004) “Muhimmah; Transliterasi dan Analisis Teks” (Disertasi sarjana Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h. 34.

¹⁹ Wan Mohd. Saghir Abdullah (2000), *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, Khazanah Fathaniyah : Kuala Lumpur, j.10, h.44.

²⁰ Salina binti Muhammad (2004) *Op.Cit.*, h. 51. bandingkan dengan Abdullah Ibn Abd Ar-Rahim al-Fathani (1369) *Kitab Muhimmah Pada Ilmu Hadith Nabi SAW*, Pulau Pinang: Matba'ah Persami, h. 40.

menyurat, karena baharu mengajar dan tiga tahun sangat jahil daripada ilmu. Tamat.²¹

Untuk edisi bercetak tersebut telahpun dialih aksarakan dari pada tulisan jawi kepada tulisan rumi oleh Noraini Aboe tahun 2003. Dan telahpun dicetak serta diterbitkan oleh penerbit Al-Hidayah Kuala Lumpur. Pada edisi ini tidak banyak dilakukan kritik teks. Hanya upaya penyusunan tanda baca dan perenggan sahaja yang dilakukan. Selain mengalih aksarakan dari tulisan jawi kepada tulisan rumi.²²

Berkenaan dengan teks *MawÉ'iÐ al-BadÉ'*. Karya ini pada edisi bercetak dijumpai pada bahagian akhir kitab, iaitu pada halaman 41 – 71. Sebagaimana dinyatakan pada halaman sampul.

”mengiringi dibelakang kitab ini satu kitab yang bernama ”al-MawÉ'iÐ al-BadÉ'ah” karangan wali Allah bilÉ nizÉ' ikutan segala ulama yang dahulu yaitu maulana al-Sheikh Abd al-Ra'uf Fanshuri Aceh. Nafa'ana Allah Ta'ÉIÉ bibarakÉtihi wa 'ulÉmihi, amin.”²³

Mengenai teks *MawÉ'iÐ al-BadÉ'*, tidak dijumpai perbezaan isi kandungan. Iaitu berjumlah 50 pengajaran. Sama dengan apa yang dijumpai pada beberapa manuskrip. Sembarang penambahan, komentar atau bahkan huraian tidak dijumpai. Kemungkinan pencetakan tersebut sama persis seperti tulisan asalnya. Namun manuskrip mana yang menjadi rujukan belum boleh dikesan.

3.2.3. RisÉlah Al-MawÉ'iÐ Al-BadÉ'ah.

²¹ Salina binti Muhammad (2004) *Op.Cit.*, h. 48 Bandingkan dengan MSS. 2008 Muhimmah, Perpustakaan Negara Malaysia.

²² Syeikh Abdullah ibn Abdurrahim Fathani dan Abdul Ra'uf Fanshuri Acheh (2003) *Kitab Muhimmah dan Al-Mawaiz Al-Badi'ah*, Noraini Abu (ed), Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, h. 1-263.

²³ Abdullah Ibn Abd Ar-Rahim al-Fathani (1369) *Op.Cit.*, h. 1.

Karya ini berupa resume dari karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*. Karya ini disusun oleh Haji Muhammad Shaleh Al-Minangkabawi. Seorang mufti yang pertama kali diangkat pada negeri Perak semenanjung Malaysia. Belum dijumpai naskhah asli karya ini. Kecuali satu naskhah bercetak yang dicetak pada tahun 1420/1999 oleh Khazanah Fathaniah. Dengan tajuk *RisÉlah MawÉ‘iÐ al-BadÉ’ah*.

Mengenai *RisÉlah MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*, ia dimulakan dengan pembukaan dilanjutkan dengan isi dan penutup. Pada bahagian pembukaan dijumpai isi yang sama dengan karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* kecuali pada beberapa bahasa yang digunapakai. Seperti pada naskhah *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* ditulis *Kumulai kitab ini*, namun pada *Risalah MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* tertulis *Aku Mulai kitab ini*. Namun pada bahagian isi dan metode penyusunan bab pada *Risalah MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* sangat berbeza. Dalam *Risalah MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* meskipun dikatakan "*maka pengajaran yang mula2..*" namun kalimat tersebut bukan menunjukkan bab. Akan tetapi isyarat bahawa pada bahagian tersebutlah dimulai pengajarannya. Hal ini sangat berbeza dengan karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* sebenarnya yang membahagi isi kandungannya dengan bab yang ditandai dengan tajuk "pengajaran pertama, kedua, ketiga hingga kelima puluh". Manakala bahagian penutup adalah sebagaimana pada majoriti teks salinan *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*. Kecuali tahun penyusunan yang tertulis "*..tamatlah kitab MawÉ‘iÐ al-BadÉ’ah pada 24 malam bulan al-Muáarram dengan taufiq Allah Ta’ala. Wa Óalallahu ‘Alaihi wa Sallam, adanya 1335.*"

Mengenai penulisan karya *Risalah MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*, dijumpai karya tersebut ditulis dalam bahasa Melayu tanpa menuliskan bahasa Arab. Pada beberapa tempat karya ini memberikan penegasan dan bahkan huraian kepada beberapa pengajaran yang ada di dalam teks karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*, meskipun surat dan ayat tidak ditulis dengan jelas. Seperti pada;

”Hai anak adam, dengan tolongku jua kuat kuasa aku jua engkau tha’at akan Daku. Dengan tolongku jua engkau tunaikan segala suruhKu. Dan dengan rezqiku [ku]beri jua kuat engkau berbuat maksiat akan Daku. Dan dengan kehendakKu jua engkau berkehendak barang yang engkau kehendak bagi dirimu. Dan dengan iradat Aku jua engkau kehendak bagi dirimu. *Senantiasa tulungKu padamu tiada cerai kudratKu kepadamu dengan tiada zaman tiada masa. Ialah kudratmu itu kudratKu tiada cerai. Hai anak adam, dan janganlah engkau sangka kudratmu yang menggerakkanmu itu. Dan janganlah engkau sangka kudrat Aku beri kepadamu. Betapakah kudratKu tiada boleh bercerai dengan Aku dan jangan engkau sangka Aku jadikan akan dikau dengan berkuasa sekarang engkau yang berkuasa dengan kudrat yang engkau jadikan itu. Adakah tiada engkau dengar firmanKu dalam Qur’an ”wa Allah khalaqakum wamÉ ta’malÉn” dan bermula Allah Ta’ala menjadikan kamu dan barang kerja kamu dengan tiada masa dahulu tiada masa sekarang tiada masa lagi akan datang”*.²⁴

Manakala dalam teks *MawÉ ‘iD al-BadÉ’* pada pengajaran kedua puluh satu tertulis,

يا ابن ادم [بتوفيقى] قويت على طاعتي. و [بتوفيقى] اديت فرائضى. وبرزقي قويت على معصيتي. وبمشيئتي تشاء مانشاء لنفسك. و بإراداتي تريد لنفسك. و [بنعمتي] قمت وقعدت ورجعت. وبأيدي امسيت. وبعافيتي اصبحت. وبقضائي عشت. وبنعمتي تقلبت. وبتوفيقى تحملت. تنساني وتذكر غيري فلا تؤدي بشكري

”Hai anak Adam, dengan tulungKu jua kuat engkau berbuat ta’at akan Daku. Dan dengan tulungKu jua engkau tunaikan segala suruhKu. Dan dengan rizkiKu jua kuat engkau berbuat maksiat akan Daku. Dan dengan kehendakKu jua engkau kehendak barang yang engkau kehendak bagi dirimu. Dan dengan iradatKu jua engkau kehendak bagi dirimu dan dengan ni’matKu jua engkau berdiri dan engkau duduk dan engkau istirahat dan engkau sakit. Dan dengan kuasaKu jua engkau berpetang² dan engkau berpagi². Didalam hukumKu jua engkau hidup dan didalam nikmatKu jua engkau baik². Dan dengan tulungKu jua engkau menanggung akan tiap-tiap suatu. Engkau lupai akan Daku dan engkau sebut² dan engkau ingat² akan yang lain daripadaKu. Maka tiada engkau tunai syukur akan Daku”²⁵

Selain meletakkan huraian terhadap beberapa pengajaran, Haji Muhammad Shaleh juga merangkumkan beberapa pengajaran. Dengan tidak menuliskan semua teks yang terdapat dalam karya *MawÉ ‘iD al-BadÉ’*. Kecuali beberapa pengajaran yang penting dan diperlukan. Seperti,

²⁴ Haji Muhammad Shaleh Al-Minangkabawi (1999) *Risalah MawÉ ‘iD Al-BadÉ’ah*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 4.

²⁵ Mawa’iz Al-Badi’ MSS 3854 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 17 rekto.

”Dan barang siapa tiada ridha akan hukumKu. Dan tiada sabar atas bala’Ku. Dan tiada sukur atas nikmatKu. Dan tiada mengerjakan sekalian suruhKu. Dan tiada menjauhi akan sekalian teguhku. Maka keluar olehmu daripada bumiKu dan langitKu. Dan carilah Tuhan lain daripada Aku. Dan barang siapa merendahkan diri dari bagi orang yang kaya karena kayanya pergi dua *thuluth* agamanya. Karena kaya itu tiada darajah baginya pada sisi Allah Ta’ala. Melainkan kaya yang murah.”²⁶

Kemudian ayat yang datang setelah ayat di atas adalah,

”Hai anak Adam, siapa mengamalkan ilmunya niscaya memberi Allah Ta’ala akan ilmu yang tiada mengetahui dan barang siapa panjang angan2 niscaya tiada hasil dengan dia amalnya”.²⁷

Akan tetapi, manakala dirujuk kepada teks karya *MawÉ‘iD al-BadÉ’*, ayat yang datang selanjutnya tertulis setelah penulisan beberapa pengajaran. Manakala ayat yang datang setelahnya sebagaimana dalam karya *MawÉ‘iD al-BadÉ’* adalah;

{فمن لم يرضي بقضائي ولم يصبر على بلائي ولم يشكر على نعمتي ولم يقنع بعطائي فليخرج من [ارضي وسمائي] فليطلب ربا سواني}.

Dan barang siapa tiada ridha ia akan segala hukumKu dan tiada sabar ia atas segala bala’Ku dan tiada syukur ia akan segala ni’matKu dan tiada memada ia dengan pemberiKu. Maka keluarkan oleh kamu daripada bumiKu dan langitKu. Maka tuntutan oleh kamu akan Tuhan yang lain daripadaKu.

{ومن اصبحت حزينا على الدنيا فكأنما ساخط علي ربه فمن اشتكا مصيبة فقد اشتكاني}

Dan barangsiapa pagi2 ia padahal ia dukacita akan dunia, maka seolah2 ia amarah akan daku dan barangsiapa mengadu ia akan kesakitan maka sungguh mengadu2 ia akan daku.

{ومن دخل على غني فتواضع له لأجل غناه ذهب ثلثان دينه}

Dan barangsiapa masuk kepada orang kaya atau bertamu ia dengan dia, maka merendah ia akan dirinya baginya karena kayanya niscaya hilanglah dua *thuluth* agamanya.²⁸

²⁶ Haji Muhammad Shaleh Al-Minangkabawi (1999) *Op.Cit.*, h. 2.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Mawa’iz Al-Badi’ MSS 3854 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 4 rekto.

Dari beberapa bentuk penulisan di atas, nampak bahwa Haji Muhammad Shaleh dalam Risalah *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*, memilih untuk merangkumi beberapa pengajaran dalam karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*. Selain memilih pengajaran yang diperlukan beliau juga memberikan ulasan-ulasan mengenai pengajaran tersebut di samping juga menambahkan beberapa dalil sebagai penyokong pendapat-pendapat tersebut.

3.3. Pengenalan Naskhah *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*

Pada bahagian pertama telah diperkatakan mengenai tempat di mana manuskrip *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* tersimpan. Disebabkan beberapa hal hanya 19 naskhah sahaja yang berjaya dikesan. 4 daripada 23 naskhah yang belum berjaya dikesan antaranya adalah naskhah dengan kod Inv. 3475, Inv. 3489, Or. 7235 dan Van de Wall 22. Berangkat dari naskhah-naskhah dan edisi bercetak tersebut akan cuba mengenali naskhah *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*. Upaya tersebut akan meliputi pengesahan kitab Al-Singkili, pengesahan tajuk dan tahun penyusunannya.

3.3.1. Pengesahan Karya al-Singkili

Apabila merujuk naskhah-naskhah yang dijumpai majoritinya tidak didapati pernyataan yang menyatakan bahawa karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* telah ditulis oleh Al-Singkili. Baik pada kolofon atau pada catatan penyalin. Pada kolofon hanya dinyatakan bahawa karya tersebut telah selesai disusun. Seperti;

Dan telah selesailah hamba faqir ila Allah Ta’ala yang hina daripada segala makhluk daripada menterjemahkan kitab ini daripada hijrah nabi *Qalallahu ‘Alaihi wa Sallam* seribu dua ratus duapuluh tahun pada setengah bulan rabi’ al-akhir tamat amin.²⁹

²⁹ Abd Al-Ra’uf, *MawÉ‘iÐ Al-BadÉ’*, MSS.2983, Perpustakaan Negara Malaysia.

Wa qad faraghtu wa tarjamtu min nusÍaÍ hÉdza al-kitÉb min al-hijrah al-nabawiyah aÍal al-Íalah wa atamma al-taslÉm sab'ah wa sab'Éna wa miataini ba'da al-alf.³⁰

Keadaan tersebut sangat berbeza dengan beberapa karya Al-Singkili lainnya yang menyatakan dengan tegas bahawa ia adalah pengarang karya tersebut. Atau pernyataan penyalin yang menjelaskan pengarangnya. Seperti;

Dalam *TanbÉh Al-MÉshÉ*,

”Tammat al-risÉlah al-musammÉt bi TanbÉh al-MÉshÉ al-ManÍËb ilÉ ÙÉriq al-QushashÉ li aÍghara talÉmÉdhihi al-rÉji ‘afwa rabbihi al-karÉm al-ShÉfÉ Abd al-Ra’uf Ali al-JÉwÉ ghafarahu Allahu lahu wa li wÉlidaihi wa li mashayiÍihi fÉ al-dÉnÉ, amien ya rab al-‘ÉlamÉn.”³¹

Dalam *TarjumÉn al-MustafÉd*,

”Dan telah sempurna tafsir Qur’an yang amat mulya dinamai dengan ”*TarjumÉn al-MustafÉd*” yang dijawikan akan dia oleh Syaikh kita dan ikutan kita kepada Allah Ta’ala yang alim lagi alamah lagi wali Allah yang fÉni fÉ Allah AmÉn al-DÉn Abd Al-Ra’uf anak Ali Jawi lagi Fansuri dikasihani Allah Ta’ala jua kiranya akan dia. Diterimanya usahanya dan diberi Allah manfa’at jua kiranya akan kita dengan berkat ilmunya dalam dunia dan dalam akhirat diperkenan olehmu hai Tuhanku.”³²

Dalam *BayÉn TajallÉ*,

”Inilah risalah yang bernama BayÉn TajallÉ karangan faqir yang hina yaitu Syeikh Abd Al-Ra’uf *hafidullah Ta’Éla wa ghafara lahu*”³³

Dalam *SharÍ LaiÉf ‘AlÉ Arba’Én ×adÉthan Al-ImÉm Al-NawÉwÉ*,

”BismillÉhirrahmanirrahÉm dengan nama Allah jua aku menjawikan kitab SyarÍ Íadith ‘arba’Én ini yang amant murah dalam negeri dunia. Lagi yang

³⁰ Abd Al-Ra’uf, MawÉ‘iD Al-BadÉ’, MSS.3868, Perpustakaan Negara Malaysia

³¹ Abd Al-Ra’uf, *TanbÉh Al-MÉshÉ al-MansÉb ilÉ ÙarÉq Al-QushashÉ*, A. 655, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia, h. 185 rekto.

³² Abd Al-Ra’uf, *Tarjuman MustafÉd*, MSS. 2992, Perpustakaan Negara Malaysia, h. 212 verso dan 213 rekto.

³³ Abd Al-Ra’uf, *BayÉn TajallÉ*, MSS 2457 (A), Perpustakaan Negara Malaysia, h. 6 rekto.

amat mengasihani / / mu'min dalam negeri akhirat itu. *QÉla al-FaqÊr al-QarÊth billÉh al-MÉlik al-jÉli Al-Shaikh Abd Al-Ra'uf Ibn Ali* telah berkata Shaikh yang berpegang kepada Allah yang amat nyata yaitu / / Abd Al-Ra'uf anak Ali”³⁴

Nampaknya ketiadaan keterangan dalam beberapa naskhah *MawÉ'iÐ al-BadÉ'* adalah punca keraguan beberapa kalangan. Antaranya adalah Voorhoeve dalam BayÉn TajallÉ. (*Bahan-bahan untuk mengadakan penyelidikan lebih mendalam tentang Abdurra-uf singkel*). Iaitu pada bahagian penjelasan mengenai beberapa karya Al-Singkili. Kebimbangan Voorhoeve boleh jadi berawal dari pembacaannya atas keterangan Van Ronkel dalam Supplement to The Catalogue of Arabic Manuscripts Preserved in the Museum of Batavia Society of Arts and Sciences. Van Ronkel menyenaraikan dua naskhah berbahasa arab yang menjadi koleksi PNRI dan Leiden. Dari dua naskhah berbahasa Arab tersebut Van Ronkel menjumpai kemiripan dengan beberapa bahagian pada karya *MawÉ'iÐ al-BadÉ'*.³⁵

Tentang naskhah Arab yang dijumpai Voorhoeve koleksi Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PNRI). Dengan kod A.371.³⁶ Bersama pegawai pernaskhahan telah dilakukan upaya penelusuran dan dijumpai bahawa naskhah tersebut telah mengalami kerusakan karena termakan tintah. Dan sulit untuk diidentifikasi.³⁷ Demikian juga pernyataan Van Ronkel yang telahpun mengidentifikasi naskhah tersebut. Sehingga Van Ronkel juga tidak menjumpai keterangan mengenai penulis karya tersebut.

“A collection of 32 admonitory addresses. As far as can be made out (the acid having spoilt the greater part of the manuscript).”³⁸

³⁴ Abd Al-Ra'uf, *Sharí LaĬéf 'AlÉ Arba'Éna ×adÉthan Al-ImÉm Al-NawÉwÉ*, MSS. 2465, Perpustakaan Negara Malaysia, h. 114 / 58 rekto.

³⁵ Ph. S. van Ronkel (1913) *Supplement to The Catalogue of Arabic Manuscripts Preserved in the Museum of Batavia Society of Arts and Sciences*, Batavia: Albrecht.

³⁶ Kod ini adalah kod dalam katalog T.N. Benhard. Manakala dalam katalog Van Ronkel kod naskhah ini adalah CCLXXI

³⁷ Penelusuran tersebut dibuat pada hari Rabu tanggal, 2 Disember 2009 pukul 10.47.46 am dengan pegawai bahagian pernaskhahan Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PNRI) yang bernama Bambang Harnowo. Koresponden dilakukan melalui E-mail dan Yaho Massanger.

³⁸ Ph. S. van Ronkel (1913) *Op.Cit.*

Mengenai andaian Voorhoeve bahawa Al-Singkili telah menterjemahkan dari bahasa Arab adalah sebuah kemungkinan. Akan tetapi apabila dijumpai manuskrip *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* yang ditulis dengan menggunakan bahasa Arab dan disertai terjemahannya dalam bahasa Melayu. Serta beberapa karya Al-Singkili lainnya yang juga ditulis dalam dua bahasa. Maka boleh dikatakan bahawa Al-Singkili telah menulis pada bahagian pertama dengan menggunakan dua bahasa dan bahagian kedua dengan menggunakan bahasa Melayu sahaja. Namun demikian Voorhoeve tetap mengikut pendapat Snouck Hurgronje yang menyatakan bahawa karya tersebut adalah milik Al-Singkili.³⁹

Selain Voorhoeve, keraguan juga diungkapkan oleh Wan Mohd Shaghir. Keraguannya berpunca pada saat mengulas tentang karya *MawÉ‘iÐ Al-BadÉ’* dengan merujuk kepada *Jam‘u al-JawÉmi‘ al-MuĤannafÉt* edisi tahun 1337 terbitan MaĤba‘ah al-Ĥaraq al-Majdiyyah Mekkah. Pada kitab tersebut Wan Mohd. Shaghir mendapati bahawa tulisan setelah Abdul al-Ra‘uf adalah Manshuri dan bukan Fanshuri.

Apabila merujuk kepada karya Hamka. Memang terdapat pendapat yang menyatakan bahawa Abdul al-Ra‘uf pernah menjadi dua. Iaitu seperti keterangan Parlindungan. Ia menyatakan bahawa yang pertama adalah Abdul Ra‘uf iaitu Abdul Ra‘uf Fanshuri yang bermadzhab Khawarij atau Ibadiyah. Dan satu lagi adalah Abdul al-Ra‘uf Singkil pengarang tafsir al-Qur’an bermadzhab Syafi’i. Demikian pula Hamka ketika diberi amanah untuk menulis ketokohan Abdul Ra‘uf dalam Ensiklopedia Islam. Pada saat itu Hamka telah mengirinkan tulisannya tersebut untuk dimuat. Namun ternyata ada pula pembantu yang lain yang juga mengirim tulisan tentang Abdul al-Ra‘uf. Meskipun beberapa kalangan tetap kukuh dengan kewujudan dua Abdul al-

³⁹ Lihat, Voorhoeve (1980) *Op.Cit.*, h. 41

Ra'uf. Akan tetapi Hamka kembali menegaskan bahawa Abdul Al-Ra'uf adalah hanya satu.⁴⁰

Apabila keraguan Wan Mohd. Saghir itu muncul karena kewujudan dua Abdul al-Ra'uf. Maka sesungguhnya Hamka telah meralat kesilapannya tersebut. Namun manakala keraguan tersebut disebabkan kerana kesalahan cetak pada edisi cetak tahun 1369 terbitan penerbit Ma'iba'ah U'araq al-Majdiyyah Makkah. Maka kesilapan tersebut bukan bermakna bahawa karya tersebut bukan karya Abdul al-Ra'uf. Kerana, pada edisi Ma'iba'ah al-Mi'riyyah tertulis dengan jelas bahawa nama setelah Abdul al-Ra'uf adalah al-Fansuri dan bukan Mansuri.

”.... Keenam Mawaiz al-Badi'ah karangan wali Allah bila nizai ikutan orang yang 'arif bi Allahi 'Abdul al-Ra'uf Fansuri...”⁴¹

Hal ini pula ditegaskan dengan kewujudan edisi cetak tahun 1369 oleh percetakan Persami Pulau Pinang. Dengan jelas pada bahagian penutup tertulis bahawa karya *MawÉ'iÐ al-BadÉ'ah* adalah buah karya Abd Al-Ra'uf.

Dan telah selesai hamba faqir ila Allah Ta'ala Abd Al-Ra'uf Fanshuri Aceh daripada mengarang risalah yang bernama Al-MawÉ'iÐ al-BadÉ'ah. Barang diberi manfaat dengan dia bagiku dan kedua ibu bapaku dan akan segala guruku. Amin ya rabb al-ÉlamÉn. Wa Øalallahu 'alÉ SayyidinÉ Mu'ammad wa 'alÉ Élihi wa a'Ébihi ajma'Én⁴².

Manakala Haji Muhammad Shaleh dalam karyanya *RisÉlah MawÉ'iÐ Al-BadÉ'ah* menyatakan bahawa pengarang aslinya adalah Al-Singkili. Seperti tertulis pada halaman sampul.

⁴⁰ Hal ini karena Hamka menganggap kesalahan tersebut berpunca pada tulisannya pada Sejarah Umat Islam jilid IV. Lihat Hamka (1974) *Antara Fakta dan Khayal "Tuanku Rao"*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 195.

⁴¹ Isma'il Ibn Abd al-Mu'Élib Al-Ashi (t.t.) *Op.Cit.*, h. 2.

⁴² Abdullah Ibn Abd Ar-Rahim al-Fathani (1369) *Op.Cit.*, h. 70.

... pengarang aslinya wali Allah bila niza' ikutan segala ulama yang dahulu² yaitu Maulana al-Syaikh 'Abd Al-Ra'uf Fanshuri Aceh. Nafa'ana Allah Ta'ala bibarakÉtihi wa 'ulÉmihi, amin⁴³.

Selain daripada itu ramai pengkaji naskhah ataupun sejarah Asia Tenggara yang memperkatakan kebenaran karya *MawÉ'iÐ al-BadÉ'* sebagai karya Al-Singkili. Seperti T. Iskandar⁴⁴, Hamka⁴⁵ dan juga Raymond LeRoy Archer⁴⁶.

3.3.2. Pengesahan Tajuk Karya.

Merujuk beberapa ahli pernaskhahan dan sejarah Asia Tenggara dijumpai bahawa dalam beberapa ulasan mereka mengenai karya *MawÉ'iÐ Al-BadÉ'* terdapat beberapa penulisan tajuk yang berbeza. Seperti T. Iskandar menuliskan dua tajuk iaitu; *Mawa'izat al-Badi'* atau *al-Mawa'ith al-Badi'ah*.⁴⁷ Raymond LeRoy Archer menulis *Mawa'iz al-Badi'ah*.⁴⁸ Hamka menulis *Mawaiz al-Badi'*.⁴⁹ Azyumardi Azra menulis *al-Mawa'iz al-Badi'ah*⁵⁰ dan Wan Mohd. Shaghir menulis *Mawa'izul Badi'ah* (مواظفة البديعة).⁵¹ Namun Punoh Daly dalam senarai karya Al-Singkili menyatakan "(f) *Mawa'iz Al-Badi'ah*; berisi 32 Hadith dengan syarahnya yang dikaitkan dengan tauhid, akhlak, ibadat dan tasawwuf". Selanjutnya ia juga menyatakan "(i) *Al-Mawi'izat al-Badi'ah*;

⁴³ Haji Muhammad Shalih al-Minangkabawi (1999) *RisÉlah MawÉ'iÐ Al-BadÉ'ah*, (t.t.p.): Khazanah Fathaniyah, h. I

⁴⁴ Teuku Iskandar (1995) *Kesusastraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*, Brunai Darussalam: Jabatan Kesusastraan Melayu, Universiti Brunai Darussalam, h. 424.

⁴⁵ Hamka "Serambi Makkah" dalam *Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara*, jilid 1, di Aceh Timur tanggal 25 – 30 September 1980, h. 3.

⁴⁶ Raymond LeRoy Archer (1937) "Muhammadan Mysticism in Sumatra" dalam *Journal of The Malay Branch of The Royal Asiatic Society*, vol. 15, part. 2, Singapore: MBRAS, h. 14

⁴⁷ Teuku Iskandar (1995) *Op.Cit.*, h. 424.

⁴⁸ Raymond LeRoy Archer (1937) *Op.Cit.*, h. 14

⁴⁹ Hamka "Serambi Makkah" dalam *Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara*, jilid 1, di Aceh Timur tanggal 25 – 30 September 1980, h. 3

⁵⁰ Azyumardi Azra (2004) *Op.Cit.*, h. 250-251

⁵¹ Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1998) *Op.Cit.*, h. 172.

naskhah ini berisi pelajaran akhlak dan bermacam-macam nasihat agama bagi kaum Muslimin dan Muslimat dalam pergaulan.”⁵²

Manakala yang tercatat dalam edisi bercetak iaitu *Jam‘u al-JawÉmi*’ dijumpai bahawa tajuk karya *MawÉ‘iD Al-BadÉ‘* ditulis ”*al-MawÉ‘iD Al-BadÉ‘ah*”.⁵³ Sama dengan yang tercatat dalam dua edisi bercetak lainnya. Iaitu yang bercetak bersama dengan karya Al-Muhimmah”.⁵⁴ Manakala dalam karya Haji Muhammad Shaleh al-Minangkabawi tertulis *MawÉ‘iD al-BadÉ‘ah*.⁵⁵ Penulisan tajuk tersebut apabila dirujuk kepada beberapa naskhah yang berjaya dikesan, dijumpai bahawa majoriti naskhah menulis tajuk dengan ”*MawÉ‘iD al-BadÉ‘*” (مواعظ البديع). Meskipun ada sebahagian kecil naskhah yang menulis dengan berbeza. Iaitu naskhah MSS. 3583, MSS. 3630 dan ML. 341 menulis ”*Maw‘iD al-BadÉ‘*”. Dan naskhah MSS. 2610 (B) menulis ”*Maw‘iDah al-BadÉ‘*”.

Perbezaan tersebut di atas apabila merujuk kepada gramatikal Arab dijumpai kata *mawÉ‘iD* adalah bentuk *jama’* dari kata *mau‘iDah*. Manakala ia berkedudukan sebagai *al-mauÎËf* (yang disifati) maka *al-Îifah* (sifatnya) adalah mengikuti *al-mauÎËf*. Dan manakala *mauÎËf* berbentuk *jama’* maka *al-Îifah* (sifatnya) hendaklah *muannath*. Namun apabila *al-Îifah* (sifat) dalam bentuk *wazn fÉ‘ilun* yang bermaksud *maf‘ul*, maka terkeluar dari kaedah sebelumnya.⁵⁶ Sehingga boleh dikatakan tajuk karya ini *MawÉ‘iD al-BadÉ‘*.

Dari beberapa pendapat di atas mengenai tajuk karya ini. Nampaknya beberapa pengkaji menyandarkannya kepada beberapa karya bercetak. Seperti Azyumardi Azra

⁵² Peunoh Daly (2003) *Hukum Perkahwinan Islam; Satu Kajian Perbandingan di Kalangan AhluspSunnah dan Negara-negara Islam*, Selangor: Thinker’s Library. Sdn.Bhd, h. 31.

⁵³ Isma‘il Ibn Abd al-Muthalib Al-Ashi (t.t.) *Op.Cit.*, h. 2.

⁵⁴ Abdullah Ibn Abd Ar-Rahim al-Fathani (1369) *Op.Cit.*, h. 70

⁵⁵ Haji Muhammad Shalih al-Minangkabawi (1999) *Op.Cit.*, h. I

⁵⁶ Mustafa Ghalayini (1986) *JÉmi’ Al-Durus Al-‘Arabiyyah: Mawsu‘atu fÉ‘ Thalathah Ajza’*, Juzu’ 1, Beirut: Al-Maktabah Al-‘AÎriyyah, h. 224-225.

dan Wan Moh. Shaghir. Meskipun terdapat kesilapan dalam catatan Wan Mohd. Shaghir, namun kemungkinan ia berpunca pada kesalahan cetak. Namun apabila melihat tulisan Punoh Daly yang menyenaraikan dua tajuk *Mawa'iz al-Badi'ah* dan *Al-Mawi'izat al-Badi'ah*. Nampaknya dua karya tersebut adalah sama. Seperti dalam tulisan T. Iskandar yang menulis karya ini dengan tajuk yang berbeza pada tempat yang sama. Maka merujuk kepada catatan tajuk yang terdapat pada majoriti salinan naskhah adalah lebih tepat.

3.3.3. Tahun Penyusunan

Beberapa ulasan dari para ahli naskhah dan sejarah Asia Tenggara, majoritinya mereka tidak menjelaskan keterangan tahun penyusunan karya *MawÉ'iÐ al-BadÉ'*. Hanya Raymond Le Roy Archer berpendapat bahawa karya *MawÉ'iÐ al-BadÉ'* ditulis antara abad XVII.⁵⁷ Kerana karya tersebut adalah karya Al-Singkili. Manakala merujuk kepada beberapa naskhah bercetakpun tidak dijumpai penjelasan tentang tahun penulisan karya tersebut.

Sedangkan pada manuskrip juga tidak dijumpai keterangan tentang tahun penyusunan karya *MawÉ'iÐ Al-BadÉ'*. Pada kolofon terdapat keterangan tahun, dan yang tertua adalah tahun 1220 H.

Dan telah selesailah hamba faqir ila Allah Ta'ala yang hina daripada segala makhluk daripada menterjemahkan kitab ini daripada hijrah nabi ØalallÉhu 'Alaihi wa Sallam seribu dua ratus dua puluh tahun pada setengah bulan Rabi' al-akhir tamat amin.⁵⁸

⁵⁷ Raymond LeRoy Archer (1937) *Op.Cit.*, h. 14.

⁵⁸ Terdapat 5 naskhah yang menyatakan tahun 1220 H. manakala naskhah lainnya ada yang lebih muda satu tahun 10 tahun bahkan 70 tahun. Lihat, pada bahagian inventarisasi naskhah.

Apabila dikonversi kepada tahun masehi maka tahun 1220 H bertepatan dengan tahun 1.700-an iaitu abad XVIII. Sedangkan Al-Singkili hidup pada abad XVII. Jadi terlampau satu abad dari zaman Al-Singkili. Maka boleh dipastikan bahawa tahun pada kolofon tersebut adalah tahun penyalinan. Dan bukan tahun penyusunan oleh Al-Singkili.

Adapun mengenai ketiadaan keterangan tersebut boleh disebabkan oleh dua kemungkinan. Pertama, sememangnya Al-Singkili tidak membubuhkan tanggal penyusunannya dalam karya *MawÉ‘iD al-BadÊ’*. Kedua, penyalin yang tidak mencatatkan tahun penyusunan. Dan apabila penyusun sememangnya menuliskan keterangan tahunnya, boleh jadi para penyalin yang memang tiada menyalin keterangan tersebut. Sepertimana kebiasaan penyalin yang terkadang menuliskan namanya sehingga terkesan bahawa ia adalah penyusun karya yang disalinnya.

3.4. Al-Singkili dan *MawÉ‘iD al-BadÊ’*.

Konflik keagamaan di kalangan masyarakat Aceh memang sangat hebat. Dengan puncanya adalah pembakaran beberapa karya yang berkaitan dengan *WujËdiyyah*. Nampaknya sebahagian masyarakat belum secara mendalam memahami dua disiplin ilmu yang nampak saling bertolak belakang. Iaitu ilmu hakikat dan ilmu syari’at atau ilmu batin dan ilmu zahir. Maka mewujudkan pemahaman yang tepat terhadap dua disiplin ilmu tersebut adalah alat untuk mengurangi ketegangan konflik ini.

Namun pada bahagian ini tidak untuk menjelaskan dua disiplin ilmu tersebut. Akan tetapi cuba melihat hubungan Al-Singkili dengan karya *MawÉ‘iD Al-BadÊ’*. Al-Singkili dalam meredam ketegangan konflik tersebut adalah dengan mengkompromikan antara syari’at dan hakikat. Metode tersebut nampak pada beberapa karyanya. Untuk itu

maka pada bahagian ini akan cuba melihat isi kandungan, hubungan aqidah, syari'at dan hakikat dalam karya *MawÉ'iD Al-BadÉ'* dan respon Al-Singkili terhadap konflik *WujÉdiyyah*.

3.4.1. Kandungan *MawÉ'iD al-BadÉ'*.

Al-Singkili adalah ulama yang sangat produktif dalam menghasilkan karya. Kepiawaiannya dalam menyusun nampak pada karya-karyanya. Pada bahagian muqaddimah ianya selalu menjelaskan kandungan karya sebelum menjelaskan isi. Sebagaimana dalam karya *MawÉ'iD al-BadÉ'* secara jelas Al-Singkili menyatakan isi kandungannya. T. Iskandar menyatakan "...karya ini terdiri dari lima puluh pengajaran dan ditulis berdasarkan kur'an hadith, ucapan-ucapan sahabat Nabi serta ulama'-ulama' besar". Berbeza dengan Wan Mohd. Shaghir yang menyatakan sebagaimana dalam *Jam'u al-JawÉmÉ' al-MuÍannaÉt*.

"Hai segala anak Adam, lelaki dan perempuan percahyakan oleh kamu akan segala pengajaran ini, jangan syak akan dia. Karena segala pengajaran ini setengahnya aku ambil daripada perkataan Allah Ta'ala. Dan setengahnya aku ambil daripada perkataan Rasulullah S.A.W. dan setengahnya aku ambil daripada perkataan sahabat R.A. dan setengahnya aku ambil daripada perkataan Hukama dan ulama yang 'amilin rahmatullah 'alaihim".⁵⁹

Pernyataan tersebut adalah sama seperti yang tercatat dalam salinan-salinan naskhah yang berjaya dikesan.

Dari keterangan tersebut jelas bahawa apa yang ada dalam karya *MawÉ'iD Al-BadÉ'* ini lebih kurang adalah mengandungi lima perkataan tersebut. Mengenai keterangan sahabat, wali Allah, hukama' dan ulama' Al-Singkili pada sebahagian tempat menyebutkan secara spesifik nama mereka. Dan pada sebahagian yang lain ia

⁵⁹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1998) *Op.Cit.*, h. 174.

tidak menyebutkannya. Al-Singkili hanya menyatakan ”setengah ulama”, ”ulama”, atau ”hukama” tanpa menyebutkan nama. Namun keterangan sahabat dijumpai beberapa nama, diantaranya. Ka’ab al-Akhbari, Sahal, Siti Aisyah, Ibn Abbas, Ibn Mubarak, Abu Said. Akan tetapi tidak diberikan penjelasan mendalam mengenai nama tersebut. Manakala wali Allah, Al-Singkili hanya menyebutkan satu nama sahaja iaitu Abu Yazid al-Busthami. Adapun nama ulama yang disebut adalah Syafi’i.

Dan apabila diamati pada tiap sumber perkataan dalam karya *MawÉ‘iD Al-BadÉ’*. Dijumpai nama Abu Yazid Al-Busthami yang juga menjadi sandaran atas pengajaran dalam karya ini. Perkataan Abu Yazid tersebut terdapat pada satu pengajaran iaitu pengajaran yang ketiga puluh sembilan. Apabila dihubungkan nama tersebut kepada sanad Al-Singkili dalam tariqah syathariyah, maka pada peringkat keenam setelah Rasulullah dijumpai nama Abu Yazid al-Bustami sebagai salah satu wali dalam tariqah tersebut. Maka tidak hairan apabila Al-Singkili mengambil kira pendapatnya dalam karya *MawÉ‘iD al-BadÉ’*.

Manakala perkataan para sahabat, ulama’ dan hukama’ adalah hanya pada beberapa tempat sahaja. Seperti pada pengajaran yang ke tiga puluh enam sampai dengan pengajaran yang keempat puluh sembilan. Manakala majoritinya adalah perkataan Allah – baik al-Qur’an ataupun Hadith Qudsi – dan Rasulullah yang tercatat pada hampir seluruh pengajaran. Meskipun pengajaran tersebut dimulakan dengan perkataan sahabat atau ulama’. Seperti pengajaran yang keempat puluh empat;

Kata Hukama’: Yang akal itu bagi barangsiapa yang takut akan taulannya jika ada ia sebenar kasihnya sekalipun. Seperti sabda Nabi Shalallahu Alaihi wa Sallam:

الجزم سوء الظن


Yakni: “Orang yang berakal itu ingat dan orang yang ingat itu jahat sangka.”⁶⁰

⁶⁰ *MawÉ‘iD Al-BadÉ’* MSS 3565 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 33 rekto.

Dari contoh di atas nampak bahwa Hadith diunakan untuk menguatkan hujah yang diambil daripada perkataan hukama'.

Setelah dilakukan penelitian terhadap perkataan-perkataan yang terdapat dalam karya *MawÉ'iD al-BadÉ'* dijumpai kuantiti yang berbeza. Manakala perkataan Allah adalah lebih banyak dibandingkan dengan perkataan Rasulullah, para sahabat, wali Allah, hukama' dan ulama'. Manakala perkataan Allah dijumpai yang berbentuk Hadith Qudsi sebanyak 61 perkataan dan yang berbentuk ayat al-Qur'an sebanyak 29 perkataan. Adapun jumlah perkataan Rasulullah adalah sebanyak 16 perkataan. Sahabat 6 perkataan, wali Allah satu perkataan, hukama' 12 perkataan dan ulama' 7 perkataan.

Table kuantiti sumber perkataan dalam MB.



3.4.2. Hadith dalam *MawÉ'iD Al-BadÉ'*.

Sebagaimana dijelaskan oleh para peneliti naskah ini pada sub bab sebelumnya menunjukkan bahwa karya ini adalah karya Hadith. Kerana majoriti dalam setiap pengajarannya adalah mengandungi Hadith-hadith. Hal ini terbukti manakala dilakukan penelitian secara mendalam atas karya ini. Dijumpai bahawa pada hampir setiap pengajaran, ianya dimulakan dengan perkataan Allah. Seperti pada pengajaran yang kedua;

Berkata Allah Subhanahu wa Ta'ala;

ياعبدني، ستة مني وستة منك. المغفرة مني والتوبة منك. والنعمة مني و[الشكر] منك. والجنة مني والطاعة منك. والعطاء مني والسؤال منك. والقضاء مني والرضاء منك. والبلاء مني والصبر منك.⁶¹

Hai hambaku, enam daripadaKu dan enam daripadamu. Ampunan daripadaKu dan taubat daripadamu. Dan ni'mat daripdaKu dan shukur daripadamu. Dan Surga daripadaKu dan ta'at daripdamu. Dan karunia daripadaKu dan minta daripadamu. Dan bala' daripadaKu dan sabar daripadamu.⁶²

Juga pada pengajaran yang keempat puluh Sembilan;

Berkata Allah Subhanahu wa Ta'ala;

ياايها الإنسان ماغرك بربك الكريم الذي خلقك

Yakni; Hai segala manusia apa yang memperdaaya akan dikau dengan Tuhanmu yang Mulia yang menjadi akan dikau. Lagi firman Allah Ta'ala;

فلا يغرنكم الحياة الدنيا

⁶¹ Dalam riwayat Ahmad daripada Sulaiman lafadznya;

{يقول الله تبارك وتعالى: يا ابن آدم واحدة لك وواحدة لي وواحدة فيما بيني وبينك، فأما التي لي فتعبدن لا تشرك بي شيئاً وأما التي لك فما عملت من شيء أو من عمل وقيتكه. وأما التي فيما بيني وبينك فمنك الدعاء وعلين الإجابة}.

Atraflain;

{قال الله تعالى: أربع حصال: واحدة منهن لي، وواحدة لك، وواحدة فيما بيني وبينك، وواحدة فيما بينك وبين عبادي؛ فأما التي لي فتعبدني لا تشرك بي شيئاً، وأما التي لك علي فما عملت من خير جزيتك به، وأما التي بيني وبينك فمنك الدعاء وعلي الإجابة، وأما التي بينك وبين عبادي فارض لهم ما ترضى لنفسك}.

'Isham al-Din Al-Shababiti (2004) Jami' Al-Ahadith al-Qudsiyah, Juzu' 2, Hadith nombor 124, Kairo: Dar Al-Hadith, h. 60-62.

⁶² Mawa'iz Al-Badi' MSS. 3854 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 4 rekto.

Yakni; Maka jangan memperdayakan kamu oleh hidup dunia.⁶³

Dari contoh di atas nampak bahwa terdapat dua jenis perkataan Allah. Pertama adalah perkataan Allah yang diriwayatkan oleh Rasulullah atau yang disebut Hadith Qudsi. Kerana iainya dijumpai diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Sulaiman. Manakala kedua adalah perkataan Allah dalam al-Qur'an. Kerana perkataan tersebut terdapat pada Surah al-Infitar ayat 6-7 dan al-Fatir ayat 5. Adapun perkataan jenis pertama dalam karya ini dijumpai hampir pada setiap pengajaran dalam karya ini.

Manakala perkataan Rasulullah ianya juga dijumpai mengawali satu pengajaran meskipun pada beberapa tempat dijumpai sebagai hujah untuk satu pendapat. Hadith yang ditulis sebagai permulaan suatu pengajaran seperti pada pengajaran yang ketiga puluh delapan ;

Berkata Rasulullah Shalallahu Alaihi wa Sallam;

Hai umatku aku akan kamu dengan lima perkara:

1. Banyakkan olehmu akan menyebut Allah daripada menyebut manusia.
2. Banyakkan olehmu menyebut akhirat daripada menyebut dunia.
3. Banyak olehmu akan menyebut kejahatan daripada menyebut kebajikan.
4. Banyakkan olehmu akan menyebut mati daripada menyebut hidup.
5. Banyakkan akan menyebut a'ib dirimu daripada menyebut a'ib manusia.⁶⁴

Hadith yang digunakan sebagai hujah satu pendapat. Seperti pada pengajaran yang keempat puluh lima yang digunakan sebagai hujah tentang fadhilah diam. Iaitu;

Sabda Nabi Shalallahu Alaihi wa Sallam;

من صمت نجا⁶⁵

Ertinya; Barang siapa diam ia (daripada kata yang sia-sia) nescaya lepas ia daripada kejahatan lidah.⁶⁶

⁶³ Mawa'iz Al-Badi' MSS. 3565 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 36 rekto.

⁶⁴ Belum dijumpai rujukan untuk hadith ini.

⁶⁵ Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Saurah al-Tirmidzi (1994) *Sunan Al-Tirmidzi wa Huwa Al-Jami' Al-Mukhtashaar min al-Sunan 'an Rasulillah Shalallahu Alaihi wa Sallam wa Ma'rifah al-Shahih wa wa al-Ma'lul wa ma Alaihi al-'Amal*, juzu' 4, Kitab Shifah al-Qiyamah, bab 115, nomor Hadith 2509 , h. 225.

⁶⁶ Mawa'iz Al-Badi' MSS 3565 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 34 rekto.

Manakala pada pengajaran yang pertama sampai dengan pengajaran yang kedua puluh lima dijumpai sebanyak 45 Hadith. Dan setelah dilakukan takhrij 22 dijumpai rujukannya dan 23 Hadith belum dijumpai rujukannya. Beberapa rujukan Hadith tersebut di antaranya adalah;

1. Sahih Imam al-Bukhari
2. Sahih Imam Muslim
3. Sunan Imam al-Tirmidhi
4. Musnad Abu Daud al-Tayalisi
5. Musnad Abu Ya'la al-Mausili
6. Shu'ab al-Iman
7. Kanzul Umal
8. Mu'jam al-Ausath
9. Hilyah al-Auliya'
10. Jami' al-Ahadith al-Qudsiah
11. Jami' al-Ahadith

3.4.3. Aqidah, Syari'ah dan Hakikat dalam *MawÉ'iD al-BadÉ'*.

Ramai para pengkaji naskhah dan sejarah Asia Tenggara yang memberikan ulasan singkat mengenai karya *MawÉ'iD al-BadÉ'*. Biasanya ulasan tersebut disertakan ketika mengkaji al-Singkili ataupun karya-karya Ulama Asia Tenggara. Di antaranya Raymond LeRoy Archer, ia menyatakan bahawa "on page 5 – 7 of this book one find

*religious and moral exhortations divided into fifty lesson of Malay instruction mystical moral teaching...*⁶⁷. Huraian singkat juga ditulis oleh Azyumardi Azra ia menyatakan

”.....ia mengemukakan ajaran mengenai Tuhan dan hubungan-Nya dengan ciptaan, neraka dan surga, dan cara-cara yang layak untuk kaum Muslimin mendapatkan ridha Tuhan. Al-Singkili secara khusus menekankan perlunya bagi muslim menemukan keselarasan antara pengetahuan (*‘ilm*) dan perbuatan (*‘amal*);...”⁶⁸

Juga Wan. Mohd. Shaghir yang menyatakan ”..klasifikasinya bercorak ajaran tauhid dan tasawuf”⁶⁹.

Bertolak dari beberapa pendapat di atas. Tidak hairan apabila Al-Singkili dikatakan sebagai penganut aliran *neo sufism*. Yang selalu menimbang setiap ajaran tasawufnya dengan timbangan syari’at. Sebagaimana dalam karya *MawÉ‘iÐ Al-BadÉ’* Al-Singkili sangat menekankan praktek ibadah seperti puasa dan shalat. Mengenai amalan puasa Al-Singkili menyatakan,

Barang siapa puasa karenaKu pada masa didalam dunia hal keadaannya ikhlas bagiKu, niscaya Aku perjamukan akan dia dengan beberapa warna makanan yang berjenis didalam syurga.⁷⁰

Manakala mengenai shalat Al-Singkili menyatakan,

وإذا علم بوقت الصلاة ولم يفر لها فقد غفل عني

Dan apabila mengetahui akan masuk waktu sembahyang padahal tiada bersegera ia akan sembahyang maka sanya lalai akan Daku.⁷¹

Penegasan Al-Singkili mengenai pentingnya shalat kembali diulang dalam satu pengajaran iaitu pengajaran yang ketigapuluh tiga. Dalam pengajaran tersebut Al-

⁶⁷ Raymond LeRoy Archer (1937) *Op.Cit.*, h. 14.

⁶⁸ Azyumardi Azra (2004) *Op.Cit.*, h. 250-251.

⁶⁹ Wan Mohd. Shaghir (1996) *Op.Cit.*, h. 172.

⁷⁰ Mawa’iz Al-Badi’ MSS 3565 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 17 rekto.

⁷¹ Mawa’iz Al-Badi’ MSS 3854 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 15 rekto.

Singkili mengambil dari perkataan Rasulullah yang sangat panjang. Hadith tersebut berisi ancaman bagi siapa yang memudah-mudahkan urusan shalat. Ringkasnya,

”Berkata Rasulullah ﷺ ‘Alaihi wa Sallam : ”Barangsiapa memudah-mudahlah ia akan sembahyang dan menghina ia akan dia, niscaya me[n]seksa akan dia oleh Allah Ta’ala dengan lima belas seksa. Enam di dalam dunia dan tiga ketika matinya dan tiga didalam kuburnya dan tiga ketika bertemu dengan Tuhannya.”⁷²

Dan diakhiri dengan penjelasan mengenai keadaan mereka yang meninggalkan sembahyang pada hari kiamat. Iaitu dijadikan muka mereka itu muka yang hitam,

”Bermula pertama suatu yang hitam pada hari kiamat itu muka segala orang yang meninggalkan sembahyang.”⁷³

Selain dua amalan ibadah di atas Al-Singkili juga menganjurkan agar manusia membekali diri dengan akhlak yang mulia. Beberapa akhlak mulia yang dimaksudkan telahpun direkodkan oleh Al-Singkili dalam pengajaran yang kedua puluh dua. Di antaranya adalah ridha dengan segala nikmat yang telah diberikan Allah, berhenti berbuat maksiat, mengerjakan segala yang diperintahkan Allah, memberi sedekah, berbuat baik kepada orang yang berbuat jahat, memberi ampun kepada yang menganiaya, menyambung tali silaturahim, menyayangi orang yang khianat, memberi nafkah kepada anak dan mendatangi alim ulama untuk bertanya mengenai masalah dunia dan agama.

Dari beberapa amalan tersebut di atas, nampak bahawa perbuatan ibadah adalah keperluan. Bukanlah suatu kewajiban yang selesai dengan menunaikannya. Sehingga menjaga amalan tersebut adalah sangat penting. Bukan hanya mendapatkan seksa semasa di akhirat kerana meninggalkannya. Namun ianya juga merupakan satu bentuk latihan untuk mencapai ketentraman pada batin semasa di dunia. Penekanan atas amalan

⁷² Mawa’iz Al-Badi’ MSS 3565 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 23 rektu dan verso.

⁷³ Mawa’iz Al-Badi’ MSS 3565 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 25 rektu.

di atas juga nampak dalam karyanya *TanbÊh Al-MÊshÊ*. Al-Singkili dalam masalah puasa menyatakan,

وتصوم ثلاثة ايام من كل الشهر ومن زاد زاده الله وقد صح حديث صلي الله عليه وسلم [صوم شهر الصبر وثلاثة ايام من كل شهر يذهبن وحر الصدر وشهر الصبر رمضان]

”Dan hendaklah engkau berpuasa tiga hari setiap bulan, dan barangsiapa menambahkannya, Allahpun akan menambahkan pula keutamaannya. Dalam sebuah Hadith, Nabi S.A.W. mengatakan ”berpuasa pada bulan *Êabr*, dan tiga hari setiap bulan itu dapat menghilangkan kedengkian hati. Dan yang dimaksud bulan sabr adalah bulan Ramadhan”.⁷⁴

Al-Singkili juga mengutip Hadith lain,

حديث صلي الله عليه وسلم [صوم شهر الصبر وثلاثة ايام من كل شهر صوم الدهر وفي رواية صوم الدهر وافطاره]

Nabi S.A.W mengatakan, ”berpuasa pada bulan sabr dan ditambah dengan tiga hari setiap bulannya adalah setara dengan puasa selama setahun”. Dalam sebuah riwayat: ”Puasa setahun berikut buka puasanya”.⁷⁵

Berkaitan dengan shalat al-Singkili menyatakan.

وينبغي لك ايها المرید ان تصلي ست ركعات بعد صلاة المغرب وستتها قبل ان تتكلم قد ورد [من صلي بعد المغرب ست ركعات قبل ان يتكلم غفر له بها ذنوب خمسين سنة] وورد [من صلي ما بين المغرب والعشاء فإنها من صلاة الأوابين].

”Wahai murid, hendaklah engkau melakukan shalat enam raka’at sesudah shalat maghrib dan sunah sesudahnya, serta sebelum engkau berbicara apa-apa. Dalam Hadith dikatakan, Barang siapa melakukan shalat enam raka’at sesudah maghrib dan sebelum bicara apa-apa, nescaya ia diampuni dosadossanya selama lima puluh tahun. Dalam Hadith lain disebutkan, barangsiapa melakukan shalat antara Maghrib dan Isya’ maka shalatnya itu termasuk shalat orang-orang yang bertaubat (*al-awwabin*).”⁷⁶

Al-Singkili juga mengutip perkataan Syaikh Muhammad Al-Gaus dalam kitab *JawÊhir*,

⁷⁴ Tanbih Al-Mashi, dalam Oman Fathurrahman (1999) *TanbÊh Al-MÊshÊ; Menyoal Wihadatul Wujud Kasus Abdurrauf Sinkel di Aceh Abad 17*, Jakarta : Penerbit Mizan, h. 156 dan 157.

⁷⁵ *TanbÊh Al-MÊshÊ* dalam *Ibid.*, h. 156 – 159.

⁷⁶ *TanbÊh Al-MÊshÊ* dalam *Ibid.*, h. 148 - 149.

أقلها اربعة واكثرها ماتيسر وتقرأ في كل ركعة منها بعد الفاتحة ماتيسر من القرآن
”Shalat tahajud itu sedikitnya empat raka’at, sedangkan maksimalnya adalah semampunya. Pada tiap-tiap rakaat sesudah al-Fatihah engkau membaca ayat al-Qur’an yang mudah”.⁷⁷

Mengenai kemuliaan akhlak bagi setiap manusia Al-Singkili dalam *TanbÊh Al-MÊshÊ* menganjurkan agar selalu berbuat baik dan saling membantu antara Muslim satu dengan lainnya. Beliau mengutip Hadith nabi,

وكان صلي الله عليه وسلم يقول [انصر اخاك ظالما او مظلوما فقال رجل يا رسول الله انصره مظلوما فكيف انصره ظالما قال تمنعه من الظلم فذلك نصرك اياه]

Nabi S.A.W bersabda: ”Allah tidak akan mengasihi orang yang tidak mengasihi sesamanya” Sabdanya lagi, ”Bantulah saudaramu, baik yang berbuat aniaya maupun yang teraniaya. Lalu seorang sahabat bertanya: Ya Rasulallah, aku bisa menolong saudaraku yang teraniaya, tapi bagaimana caranya menolong mereka yang berbuat aniaya? Rasulallah menjawab: yaitu dengan melarangnya dari perbuatan aniaya tersebut.”⁷⁸

Dari tiga perkara di atas nampak bahawa aspek syari’at adalah diberi perhatian khusus dalam karya-karyanya. Lebih khusus pada aspek hubungan manusia dengan Tuhan dan sesama manusia. Namun sebagaimana para sufi lainnya, syari’at adalah satu ritual yang membawa kepada mengenal Tuhan. Yang puncaknya pada ketenangan jiwa atau batin. Kerana tujuan seorang sufi adalah sampai kepada hakikat dan makrifat.

Mengenai hakikat, para ahli tasawwuf biasa memaknainya dengan menyaksikan rahsia Tuhan yang ditempuh dengan jalan (*tariqat*) yang bermaksud menjalankan shari’at.⁷⁹ Dan untuk sampai kepada hakikat tersebut, menurut Al-Singkili dalam *TanbÊh al-MÊshÊ* seseorang harus mengamalkan thariqah yang mengandungi penyucian diri, zikir dan fana. Sehingga pada saat ajal datang seseorang itu dapat melakukan seperti apa yang dilakukan pada masa hidupnya. Tidak hairan apabila Al-

⁷⁷ TanbÊh Al-MÊshÊ dalam *Ibid.*, h. 154 - 155.

⁷⁸ TanbÊh Al-MÊshÊ dalam *Ibid.*, h. 138 - 141.

⁷⁹ Syaikh Abdullah al-Yafi’i dalam Abdul Qadir Isa (2005) *Hakekat Tasawuf*, Khairul Amru Harahap (et.all) (terj.), Jakarta: Qisti Press, h. 344.

Singkili juga mengajarkan seseorang agar mati sebelum ia benar-benar mati. Kerana itu adalah hakikat pertemuan seorang hamba dengan Tuhannya. Maksud mati di sini adalah meninggalkan segala keinginan dan kehendak dan hawa nafsu.⁸⁰ Pada peringkat selanjutnya seorang hamba akan dekat kepada Tuhannya. Sehingga dapat mengenal Tuhan dengan *kasf*, *musyahadah*, dan *dhauq*. Dan keadaan ini merupakan tauhid tingkat tinggi.⁸¹

Apabila melihat dalam karya *MawÉ 'iÐ Al-BadÉ'* sememangnya tidak dijumpai definisi hakikat tersebut. Akan tetapi apa yang dijumpai sebagai cerminan dari definisi di atas adalah seperti beberapa pengajaran berikut,

”Dan barang siapa mengenal akan Allah Ta’ala, maka mengikut ia akan dia nescaya Kami lepaskan daripada azab neraka-Ku”.⁸²

Juga seperti,

”Hai anak Adam, wara’kan olehmu dan padakan olehmu dengan sedikit niscaya engkau lihat akan daku dengan mata hatimu hal keadaan Aku itu, iaitu pada tiap-tiap suatu dan sembah olehmu akan daku supaya sampai engkau kepadaKu dan tuntutan olehmu akan Daku supaya engkau dapat akan Daku.”⁸³

Juga pengajaran lain menyebutkan,

”Hai anak Adam, wara’kan oleh kamu supaya engkau kenalkan akan Daku. Dan kembalikan olehmu kepadaKu supaya engkau lihat akan Daku. Dan selesaikan olehmu akan dirimu bagi berbuat ibadat akan Daku supaya sampai engkau kepadaKu. Dan sucikan olehmu akan ilmu daripada riya’ supaya sampai kepadamu kasihKu.”⁸⁴

Dari beberapa pengajaran di atas, nampak bahawa dengan *wara’* seorang hamba mampu mengenal Tuhannya. Dan *wara’* itu sendiri adalah himpunan segala sifat

⁸⁰ Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 84-85.

⁸¹ Lihat Albirinshir Nadir (1960) *Al-Tasawwuf Al-IslémÉ*, Beirut : Matba’ah Al-Katolikiyah, h. 66.

⁸² *MawÉ 'iÐ Al-BadÉ'* MSS 3565 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 18 rektu.

⁸³ *Ibid.*, h. 21 verso.

⁸⁴ *Ibid.*, h. 22 verso.

sempurna. Yang terdiri dari tiga tingkatan. Pertamanya, *wara'* orang awam. Iaitu meninggalkan segala hal yang subhat sehingga tidak masuk kepada dosa. Kedua, *wara'* orang *khawwÉî*. Iaitu menghindarkan apa-apa yang mengotori hati dan membuatnya selalu dalam kekhawatiran dan kekacauan. Ketiga, *wara'* orang *khawÉsul khawÉs*. Iaitu menolak segala ketergantungan kepada selain Allah dan menutup segala harapan kepada selain Allah.

Dari penjelasan dan contoh di atas dijumpai bahawa definisi hakikat dalam *tanbÉh al-mÉshÉ* adalah sesuai dengan beberapa pengajaran yang bersifat amali dalam karya *MawÉ'iÐ al-BadÉ'*. Karena pada karya *MawÉ'iÐ al-BadÉ'* ini penekanannya lebih kepada perbuatan apa yang mampu membawa manusia kepada perasaan batin yang tenteram. Dan untuk sampai kepada keadaan batin tersebut seorang hamba harus melakukan amalan-amalan tertentu yang bersifat badani di samping upaya untuk menghadirkan hati bersama Allah. Sehingga amalan syar'iat yang bersifat fizikal memiliki roh yang menjadikan amalan tersebut semakin bermakna.

Keharmonian antara jasad dan roh di atas adalah tujuan bertasawwuf. Demikianlah Al-Singkili dalam karyanya yang berusaha untuk memberikan fahaman yang tepat dalam rangka mengkorelasikan antara Ilmu Syari'at dan Ilmu hakikat. sebagaimana dalam *TanbÉh al-MÉshÉ* beliau mengatakan;

واشتغل بعبادتك مع الصدق والإخلاص فيها قياما لحق مولاك تكن من جملة
العارفين.

“Dan sibukkannlah dirimu dalam ibadah dengan benar dan ikhlas demi melaksanakan hak Tuhanmu, nescaya engkau termasuk golongan ahli makrifat.”⁸⁵

Manakala dalam karya *MawÉ'iÐ Al-BadÉ'* beliau mencatat,

⁸⁵ TanbÉh Al-MÉshÉ dalam Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 140-141.

Berkata Allah Ta'ala, Hai anak Adam, banyakkkan olehmu akan bekalmu dengan berbuat ibadah kepada Allah Ta'ala. Karena bahawasanya jalan surga itu amat jauh. Dan teguhkan olehmu akan perahumu, yakni imanmu karena bahawasanya laut itu amat dalam dan ombaknya itu amat besar dan angin itu amat keras. Dan ringankan olehmu akan tanggunganmu, maka gunung itu amat tinggi, yakni karena bahawasanya titi *ĪrĒĪ al-MustaqĒm* itu amat seni. Dan ikhlaskan olehmu akan amalmu. Maka bahawasanya yang menerima iaitu amat melihat, maka segala keinginanmu itu didalam surga jua dan kesenanganmu itu di dalam akhirat jua dan pada hadapanmu itu beberapa bidadari yang indah2.”⁸⁶

Meskipun integrasi antara syari'at dan hakikat merupakan jalan sufi untuk mendapatkan kemenangan secara zahir dan batin, namun itu semua tidak bisa begitu saja dicapai kecuali dengan memiliki aqidah yang benar. Oleh kerana itu dalam setiap karyanya Al-Singkili selalu memulai perbahasan mengenai aqidah. Adapun penekanan dalam aqidahnya adalah ajaran tentang tauhid. Tauhid menurut Al-Singkili adalah mengaitkan sifat Esa kepada Tuhan bukan menjadikan Tuhan Esa. Penegasan tersebut ditegaskan oleh seorang hamba dengan satu kalimat *la ilaha illa Allah*. Kalimat tersebut mengandungi empat tingkatan tauhid iaitu, *ulĒhiyyah*, *af'Ēl*, *Īifah* dan *dzat*.⁸⁷

Konsep tauhid di atas kemudian dijadikan landasan dasar Al-Singkili dalam mengurai hubungan antara *al-khĒliq* dan *makhĒq*. Demikian pula dalam karya *MawĒ'id al-BadĒ'*, pada bahagian awal al-Singkili dengan menggunakan *usĒb al-wa'd wa al-wa'Ēd* ingin menegaskan keempat maksud tauhid di atas. Seperti dalam pengajaran pertama ia menyatakan,

”Dan tercenganglah Aku bagi orang yang mengetahui ia akan bahawasanya Allah Ta'ala itu Amat melihat kepadanya, maka betapa ia durhaka kepadaNya”.

”Dan tercenganglah Aku bagi orang yang mengetahui ia akan bahawasanya dirinya itu lagi akan mati padahal seorang dirinya dan masuk kubur ia padahal seorang dirinya, maka betapa berjinak-jinak ia dengan segala manusia. Tiada Tuhan melainkan Allah padahal sebenarnya bermula Muhammad itu hambaKu dan rasulKu.”⁸⁸

⁸⁶ *MawĒ'id Al-BadĒ'* MSS 3565 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 19 rekto.

⁸⁷ *TanbĒh al-MĒshĒ* dalam *Ibid.*, h. 90.

⁸⁸ *MawĒ'id Al-BadĒ'* MSS 3565 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 3 verso.

Kemudian pada pengajaran kedua al-Singkili memulai dengan,

شهدت نفسي لا اله الا انا وحدي لا شريك لي وأن محمدا [عبدني ورسولي]

Aku naik saksi bagi diriKu bahawa tiada Tuhan melainkan Aku jua. Padahal esaKu tiada sekutu bagiKu dan bahawasanya Muhammad itu hambaKu dan rasulKu.

{ياعبدني، ستة مني وستة منك. المغفرة مني والتوبة منك. والنعمة مني و[الشكر] منك. والجنة مني والطاعة منك. والعطاء مني والسؤال منك. والقضاء مني والرضاء منك. والبلاء مني والصبر منك}.

Hai hambaKu, enam daripadaKu dan enam daripadamu. Ampun daripadaKu dan taubah daripadamu. Dan nikmat dan nikmat daripadaKu dan syukur daripadamu. Dan syurga daripadaKu dan ta'at daripadamu. Dan karunia daripadaKu dan minta daripadamu. Dan hukum daripadaKu dan ridha daripadamu. Dan bala' daripadaKu dan sabar daripadamu.⁸⁹

Beberapa pengajaran tersebut di atas apabila diperhatikan nampak bahawa pada pengajaran pertama adalah penegasan bahawa Allah memiliki sifat *al-BaîÊr*. Di samping juga penegasan mengenai sifat keTuhanan Allah. Manakala pada pengajaran kedua penegasan tentang keTuhanan Allah kembali ditegaskan. Yang disambung dengan penjelasan mengenai sifat Allah yang Maha Kuasa dan berkehendak. Manakala penjelasan mengenai tauhid zat, sebagaimana dalam pengajaran yang keempat, seperti;

Barangsiapa memejamkan kedua matanya daripada yang Aku haramkan nescaya Aku sentosakan akan dia daripada api neraka, maka Akulah tuhan yang memiliki akan sekalian alam, maka minta ampun oleh kamu daripada Aku. Dan Aku jua yang memberi ni'mat, maka syukur oleh kamu akan Daku. Dan Aku jua yang memelihara, maka minta peliharakan oleh kamu daripada Aku. Dan Aku juga yang menolong, maka minta tolong oleh kamu daripada Aku. Dan Aku jua yang diqasad, maka qasadkan oleh kamu akan Daku. Dan Akulah yang Amat Tahu, maka takut oleh kamu akan Daku. Dan Akulah yang memadakan, maka minta oleh kamu daripada Aku. Dan Aku jua yang menunjuk, maka minta tunjuk oleh kamu daripadaKu.⁹⁰

Tiga hal di atas bagi Al-Singkili adalah satu kesatuan yang tidak boleh terpisah.

Tiga hal tersebut harus selalu berada dalam hati setiap hamba. Kerana dengan ketiganya

⁸⁹ *MawÉ'iÐ Al-BadÊ'* MSS 3565 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 4 rektu.

⁹⁰ *MawÉ'iÐ Al-BadÊ'* MSS 3565 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 17 rektu dan verso.

kenikmatan hidup secara zahir dan batin dapat dirasakan. Sehingga seorang hamba mampu mencapai kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat.

3.4.2. Respon al-Singkili Menghadapi Konflik Wujudiyah.

Al-Singkili yang hidup pada abad XVII tentu tidak boleh dipisahkan dari kontroversi *wujudiyah*. Apatah lagi beliau datang paska kontroversi hebat tersebut. Interaksinya dengan pendukung maupun penentang *wujudiyah* tentu tidak bisa dielakkan. Menangani keadaan tersebut Al-Singkili boleh dikatakan sebagai ulama yang lebih suka mengambil jalan tengah dalam menangani konflik tersebut. Pada bahagian ini tidak bermaksud untuk melihat pandangan Al-Singkili mengenai doktrin tersebut. Akan tetapi bagaimana seorang Al-Singkili mengambil sikap dalam menghadapi konflik tersebut.

Respon Al-Singkili dalam menangani konflik di atas tidaklah berbeza dengan gurunya Ibrahim Al-Qurani. Yang memilih untuk bersifat neutral, toleran, arif dan bijaksana dalam menghukuminya. Pendapat tersebut nampak dari upaya Al-Singkili untuk bertanya kepada gurunya terlebih dahulu sebelum menentukan sikap.⁹¹ Kearifan dan kebijaksanaannya tersebut tercermin dari pendapatnya dalam beberapa karyanya. Al-Singkili dalam *TanbÊh al-MÊshÊ* menyatakan,

واحفظ لسانك من الغيبة والتكفير فإن فيهما خطرا عظيما عند ربك الكبير ولا
تلعن اخاك المسلم فتكن من المحرومين يوم القيامة ولا تمدحه ايضا فتكن من
المبغوضين او من الضارين عنق اخيهم.

”Peliharalah lidahmu dari ghibah membicarakan orang lain dan dari mengkafirkan orang lain, karena pada keduanya terdapat dosa yang besar di sisi Tuhanmu yang Maha Agung. Jangan engkau mengutuk saudaramu sesama muslim, karena hal itu akan menjerumuskan engkau menjadi golongan orang yang berdosa pada hari kiamat, tetapi jangan pula engkau selalu memujunya, karena hal itu akan menjerumuskan engkau kedalam

⁹¹ Voorhoeve (1984) *Op.Cit.*, h. 19.

orang yang dimurkai Allah, atau golongan orang yang memenggal pundak saudaranya sendiri”.

Selain pernyataan di atas Al-Singkili juga mengutip beberapa Hadith yang menguatkan pernyataannya⁹². Senada dengan statement di atas dijumpai juga pada karya *DaqÉiq al-urÉf*, seperti pernyataan;

”Dan tiada harus kita mengkafirkan dia, kerana mengkafirkan itu sangat bahayanya. Karena jikalau ada ia kafir, maka tiadalah perkataan dalamnya. Dan jikalau tiada ia kafir, nescaya kembali kata itu kepada diri kita”.

Manakala melihat kepada karya *MawÉ’iÐ Al-BadÉ’* maka statement senada juga dijumpai. seperti yang direkodkan dalam pengajaran yang kesembilan,

{ يا ابن ادم، لاتلعنوا المخلوقين فترد اللعنة عليكم }

Hai anak Adam, jangan engkau la’natkan akan segala makhluk, maka kembalilah laknat itu atas kamu. Yakni, jangan kamu katakan sifulan laknat Allah atau binatang ini laknat Allah. yakni jauh daripada rahmat Allah.⁹³

Keterangan tersebut di atas adalah bukti bahawa Al-Singkili dalam menyikapi konflik *WujÉdiyyah* adalah bersikap netral dan tidak memihak puak tertentu. Adapun bagi masing-masing puak yang saling berselisih, maka hendaknya tidak melebelkan kepada puak tertentu dengan label kafir. Kerana label tersebut akan kembali kepada dirinya.

3.5. Kesimpulan

Beberapa huraian fakta di atas menunjukkan bahawa teks *MawÉ’iÐ al-BadÉ’* adalah teks yang digemari oleh masyarakat luas khususnya masyarakat Melayu. Nampak dari banyaknya salinan dan kewujudan edisi bercetak yang merupakan respon terhadap nilai karya tersebut. Karya *MawÉ’iÐ al-BadÉ’* yang disusun pada abad XVII

⁹² Oman Fathurrahman telah menyenaraikan hadith-hadith yang dikutip dalam *TanbÉh al-MÉshÉ*, lihat. Oman Fathurrahman (1999) *Op.Cit.*, h. 64.

⁹³ *MawÉ’iÐ Al-BadÉ’* MSS 3565 Perpustakaan Negara Malaysia, h. 19 rekto.

pasca kontroversi doktrin *Wuj'Ediyyah*. Kewujudannya pada masa itu telah membawa angin segar dalam memberikan pemahaman yang bersifat praktis mengenai hubungan antara aqidah syari'at dan hakikat. Selain juga memberikan pengajaran dalam menanggapi perbezaan dalam pemahaman. Pemikiran-pemikiran tersebut banyak memiliki kesamaan dengan karya *Tanbêh al-Mêshê* suatu karya yang menggambarkan pemikiran Abdul Al-Ra'uf Al-Singkili. Sehingga tidaklah diragukan bahawa karya *Mawê'id al-Badê'* adalah buah karya Al-Singkili. Selain itu kerana majoriti setiap pengajarannya dimulakan dengan perkataan Allah dan Rasulullah maka boleh disebut bahawa karya Al-Singkili ini adalah karya dalam bidang Hadith.